



10 DEC, 2022

## Sabah Screen Fest beri pendedahan awal kepada industri kreatif, inovatif

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2



ZAINUDIN (duduk, tengah) yang mewakili Yakub, bersama pemenang Sabah Screen Fest tahun ini.

# Sabah Screen Fest beri pendedahan awal kepada industri kreatif, inovatif

### Anthea Peter

**F**ESTIVAL filem digital tahunan "Sabah Screen Fest" (SSF) kembali tahun ini dengan tema "Self-Love", yang menyaksikan sebanyak 150 penyertaan filem daripada sekolah dan orang ramai.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Yakub Khan berkata tema itu bertepatan dengan situasi Covid-19 yang menyebabkan banyak cabaran kesihatan mental dalam kalangan orang ramai.

"Tema ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan menggalakkan mereka menghargai diri dan kehidupan mereka terutamanya di era pasca pandemik Covid-19," katanya dalam ucapan perasmianya yang dibacakan oleh Setiausaha Tetapnya, Zainudin Aman, semasa Malam Anugerah Sabah Screen Fest di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah, di Kota Kinabalu, Rabu lalu.

Yakub berkata, sebanyak 80 penyertaan diterima bagi kategori sekolah rendah dan sekolah menengah manakala kategori terbuka menyaksikan sebanyak 70 penyertaan.

"Melalui pengajuran SSF, kita dapat memberi pendedahan awal kepada industri kreatif dan inovatif di Sabah

melalui seminar dan bengkel kepada semua peserta selaras dengan matlamat Kementerian untuk melahirkan lebih ramai masyarakat intelek, kreatif dan inovatif.

"Selain itu, ia juga memberi peluang kepada mereka yang bermotivasi untuk menceburi industri kreatif dan memperkenalkan hasil kerja mereka kepada rakyat Malaysia yang lain," katanya.

Yakub berkata SSF adalah satu cara untuk Kementerian itu memperkasakan komuniti berkemahiran dalam bidang teknologi digital dengan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pemengang.

"Dengan SSF, banyak bakat terpendam dapat dilihat melalui filem yang telah dibuat," katanya.

SSF yang bertujuan untuk mewujudkan kumpulan bakat yang mampam dalam media kreatif melalui pembikinan filem digital, dibahagikan kepada empat subkategori utama: filem pendek, dokumentari, iklan dan animasi.

Bagi kategori sekolah rendah, SK Suranti, Papar muncul johan bagi animasi, membawa pulang RM1,200, barang tajaan, piala dan sijil, manakala SK Bakri, Batu 5 meraih tempat kedua, membawa pulang RM1,000,

barang tajaan, trofi dan sijil dan SK Kampong Baru Jumba, Tenom, mendapat tempat ketiga, menerima RM800, barang tajaan, trofi dan sijil.

SK Sungai Damit, Tuaran memenangi subkategori filem pendek dan menerima RM 1,200, barang tajaan, trofi dan sijil, manakala SK Pekan Tambaruli di tempat kedua membawa pulang RM1,000, barang tajaan, piala dan sijil dan Sekolah Agama Tun Sakaran (SATK) di tempat ketiga menerima RM800, barang tajaan, trofi dan sijil.

Bagi kategori sekolah menengah, SMK Tambaruli muncul johan bagi animasi, membawa pulang RM1,200, barang tajaan, trofi dan sijil, manakala SMK St Mary Limbahau, Papar memenangi tempat kedua dan ketiga, membawa pulang wang tunai RM1,000 dan RM800, serta barang tajaan, trofi dan sijil.

SMK St Joseph Papar memenangi subkategori filem pendek dan menerima RM 1,200, barang tajaan, piala dan sijil, manakala SMK Longkom, Kota Marudu di tempat kedua membawa pulang RM1,000, barang tajaan, trofi dan sijil dan SMK Lok Yuk, Kota Kinabalu di tempat ketiga dan membawa pulang RM800, barang tajaan, trofi dan sijil.

Bagi kategori terbuka, Fu Chu Ken muncul juara bagi subkategori iklan

untuk membawa pulang RM3,000, trofi dan sijil manakala Thein Kai Shan di tempat kedua dan membawa pulang RM2,000, trofi dan sijil, sementara Leong Kai Khen di tempat ketiga untuk RM1,000, piala dan sijil.

Bagi animasi, Al Kumal memenangi tempat pertama dan RM3,000, trofi serta sijil, manakala Wong Kai Lang di tempat kedua membawa pulang RM2,000, trofi dan sijil dan Rizal Kung di tempat ketiga untuk membawa pulang RM1,000, trofi dan sijil.

Bagi subkategori dokumentari, Faisal Firduz Tuah muncul juara untuk membawa pulang RM3,000, trofi dan sijil, manakala Erica Chong Fu Ying di tempat kedua, membawa pulang RM2,000, trofi dan sijil manakala Ricardo Unto di tempat ketiga dan membawa pulang RM1,000, trofi dan sijil.

Dyan Dampangoi memenangi subkategori filem pendek dan membawa pulang RM3,000, trofi dan sijil, sementara Ricardo Unto di tempat kedua, membawa pulang RM2,000, trofi dan sijil, manakala Mike Lennon Philip Enggoh di tempat ketiga dan membawa pulang RM1,000, trofi dan sijil.

Abu Bakar Ellah menerima Anugerah Khas SSF dan membawa pulang RM1,000, trofi dan sijil.



10 DEC, 2022

## Sabah Screen Fest beri pendedahan awal kepada industri kreatif, inovatif



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

R ZAINUDIN (duduk, tengah) yang mcwaklii Yakub, bersama pomenang Sabah Screen Fest tahun lnl.

FESTIVAL filem digital tahunan "Sabah Screen Fest" (SSF) kembali tahun ini dengan tema "Self-Love", yang menyaksikan sebanyak 150 penyertaan filem daripada sekolah dan orang ramai. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Yakub Khan berkata tema itu bertepatan dengan situasi Covid-19 yang menyebabkan banyak cabaran kesihatan mental dalam kalangan orang ramai.